

**ANALISIS PATUH SYARIAH DALAM FILEM 7 PETALA CINTA (2012)
BERDASARKAN GARIS PANDUAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2015**

MOHAMAD NIZAM BIN YAAKOB

C17A0097

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF
DALAM PENGAJIAN SKRIN DENGAN KEPUJIAN
2021**

KELANTAN



**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

**ANALISIS PATUH SYARIAH DALAM FILEM 7 PETALA
CINTA (2012) BERDASARKAN GARIS PANDUAN JABATAN
KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 2015**

OLEH

MOHAMAD NIZAM BIN YAAKOB

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi Penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (PENGAJIAN SKRIN)

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi lain.

TIDAK TERHAD Saya mengakui bahawa laporan ini boleh dicetak atau dilayari secara atas talian (teks lengkap)

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah akta Rahsia Rasmi 1972)

LARANGAN (Mengandungi batasan maklumat yang diberi oleh organisasi di mana kajian telah dilakukan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk kegunaan kajian sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk membuat salinan terhadap laporan ini bagi tujuan pertukaran akademik.

Disediakan Oleh:

(Tandatangan)

MOHAMAD NIZAM BIN YAAKOB

(Tandatangan Penyelia)

EN.FAIRULADILAN BIN HAMIDUN

Tarikh:

Tarikh:

Nota: Jika laporan ini SULIT ATAU TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi yang menyatakan masa dan sebab untuk kesulitan dan pembatasan.

DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this report is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

- | | | |
|--------------------------|---------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | OPEN ACCESS | I agree that my report is to be made immediately available as hardcopy or online open access (full text). |
| <input type="checkbox"/> | CONFIDENTIAL | (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)* |
| <input type="checkbox"/> | RESTRICTED | (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)* |

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan reserves the rights follows:

1. The report is property of Universiti Malaysia Kelantan.
2. The library of Universiti Malaysia Kelantan has right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the report for academic exchange.

Certified by:

(Signature)

(Signature of supervisor)

MOHAMAD NIZAM BIN YAAKOB

EN.FAIRULADILAN BIN HAMIDUN

Date:

Date:

Notes: * if the report CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organisation stating the period and reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Alhamdulillah, syukur kehadiran Illahi dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan tesis serta kajian penyelidikan dalam subjek ini dengan jayanya. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan beribu terima kasih kepada penyelia yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan kajian penyelidikan ini iaitu Encik Fairuladlan bin Hamidun.

Seterusnya, saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) iaitu Dr Hanisa Binti Hassan kerana memberi keizinan menggunakan kemudahan yang terdapat di Universiti Malaysia Kelantan bagi mencari maklumat-maklumat berkaitan kajian ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang telah banyak memberi ilmu dan panduan sepanjang pengajian saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada ibu saya yang sentiasa memberi bantuan dan sokongan moral sehingga kepada saya sepanjang proses penghasilan tesis.

Tidak lupa pula kepada sahabat-sahabat saya yang banyak memberi bantuan kepada saya dari pelbagai segi bentuk sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, ribuan terima kasih diucapkan. Kejayaan ini tidak akan tercapai dengan adanya pertolongan daripada mereka semua.

Akhir kalam, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam penghasilan tesis ini. Pengkaji berharap semoga Allah S.W.T membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Amin.

ISI KANDUNGAN

TAJUK/SUBTOPIK	M/S
SURAT PERAKUAN PELAJAR	i-ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	vi-v
ABSTRAK	vi-vii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1-2
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	3
1.3 PERSOALAN KAJIAN	4
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5 SKOP KAJIAN	6
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	7-8
1.7 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN	9-10
1.7 DEFINISI KONSEP	11-12
BAB2: SOROTAN KAJIAN	
2.1 PENGENALAN	13
2.2 PENTAKRIFAN FILEM ISLAM	13
2.3 KESAN FILEM TERHADAP PENONTON	13-14
2.4 FILEM DARI PEMATUHAN SYARIAH	14-15
2.5KAJIAN KEATAS PENONTON FILEM	15
2.6 KESIMPULAN	16

BAB 3 METODOLOGI	
3.1 PENGENALAN	17
3.2 REKA BENTUK KAJIAN	18
3.3 KAEDAH KAJIAN	18-19
3.4 CARTA ALIR METODOLOGI KAJIAN	20
3.5 CARTA GANTT	21
3.6 KESIMPULAN	22
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	
4.1 PENGENALAN	23
4.2 SINOPSI	23-24
4.3 MENGAJI FILEM 7 PETALA CINTA	24-30
4.4 ANALISIS KETEPATAN FILEM 7 PETALA CINTA	30-32
4.5 KESIMPULAN	32
BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 PENGENALAN	33
5.2 KESIMPULAN	33-34
5.3 CADANGAN KAJIAN	35-36
5.4 IMPLIKASI KAJIAN	37
LAMPIRAN	38-39
BIBLIOGRAPHY	40

**ANALISIS PATUH SYARIAH DALAM FILEM 7 PETALA CINTA (2012)
BERDASARKAN GARIS PANDUAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2015**

ABSTRAK

Penyelidikan dan kajian ini dilakukan bertujuan menganalisis patuh syariah dalam filem 7 PETALA CINTA (2012) berdasarkan garis panduan JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) BILANGAN 4 TAHUN 2015 yang telah ditetapkan. Filem “ 7 Petala Cinta” bergenre Islamik romatik komedi yang diarahkan oleh Azhari Zain, yang mengisahkan cinta diantara Saidatul Nafisah, Ahmad Fakaruddin Attar, dan Hamka. Di mana Ahmad Fakaruddin telah jatuh hati kepada Saidatul Nafisah namun cintanya terhenti selepas Saidatul Nafisah bertunang dengan Hamka, setelah bertahun di Yaman Hamka telah terkorban dan ayah Saidatul Nafisah menjodohkan Attar dengan nya namun pelbagai halangan datang menghalang hubungan mereka. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mendapatkan dapatan kajian. Pengumpulan data menggunakan bahan visual iaitu dengan menonton filem ini serta merujuk garis panduan JAKIM bagi menganalisis proses dan motif objektif kajian. Analisis merujuk kepada patuh syariah yang telah ditetapkan oleh JAKIM dalam penghasilan sesebuah filem. Hasil penelitian menemukan bahawa filem 7 Petala Cinta tidak menepati patuh syariah yang telah ditetapkan oleh pihak JAKIM. Namun, filem ini masih boleh ditonton oleh orang ramai.

**SYARIAH COMPLIANCE ANALYSIS IN FILM 7 PETALA CINTA (2012) BASED
ON THE GUIDELINES OF THE DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT
MALAYSIA NUMBER 4 OF 2015**

ABSTRACT

This research and study was conducted to analyze the syariah compliance in the film 7 PETALA CINTA (2012) based on the guidelines of the DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA (JAKIM) NUMBER 4 YEAR 2015 that has been set. The film "7 Petala Cinta" is an Islamic romantic comedy genre directed by Azhari Zain, which tells the story of love between Saidatul Nafisah, Ahmad Fakaruddin Attar, and Hamka. Where Ahmad Fakaruddin had fallen in love with Saidatul Nafisah but his love stopped after Saidatul Nafisah got engaged to Hamka, after years in Yemen Hamka was killed and Saidatul Nafisah's father married Attar to him but various obstacles came to hinder their relationship. This research uses a qualitative approach to obtain research findings. Data collection using visual materials by watching this film and referring to JAKIM guidelines to analyze the process and motives of the study objectives. Analysis refers to the syariah compliance that has been set by JAKIM in the production of a film. The results of the research found that the film 7 Petala Cinta does not comply with the sharia that has been set by JAKIM. However, the film can still be watched by the public.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Filem merupakan salah satu media yang digunakan oleh negara Malaysia untuk menyampaikan pesan dan juga memberikan hiburan kepada semua orang. Selain itu, filem juga menjadi salah satu naskah seni yang boleh mempengaruhi masyarakat. Fungsi filem merupakan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarah melalui jalan cerita, watak dan dialog yang boleh mengangakat martabat kemanusiaan, membentuk perasaan dan mampu untuk mendidik serta melahirkan masyarakat yang bertamadun.

Pada 20 Disember 1895 buat pertama kali filem diperkenalkan oleh dua orang bersaudara yang dikenali sebagai *Lumiere* yang telah memaparkan filem yang dihasilkan oleh mereka di hadapan penonton. Selain itu, dua bersaudara ini telah menghasilkan sebuah kamera dan projector mudah alih bagi memaparkan wayang bergerak atau di sebut *sebagai motion picture projection* yang berdurasi selama 20 minit. Dengan terciptanya sebuah kamera dari *Lumiere* bersaudara bermula lah perkembangan filem dengan pesatnya dan tercipta lah pelbagai teknik dalam menghasilkan filem. Sebagai contoh, kesinambungan (*continuity*), *cross cutting* dan lain-lain lagi.

Di Malaysia filem mula diperkenalkan pada tahun 1898 oleh colonial British. Namun begitu, filem pertama di Malaysia atau dikenali sebagai Tanah Melayu pada ketika itu adalah *Laila Majnun* yang diterbitkan oleh Motilal Chemical Company. Industri perfileman negara mula berkembang pada tahun 1950 sehingga kini dengan pelbagai genre seiring dengan evolusi yang dialami industry perfileman negara dengan tema agama, sosiobudaya dan intelektual. Antara genre yang digemari oleh penonton adalah aksi, komedi, seram, cinta dan sains

fiksiyen. Bagi merancakkan lagi warna-warni dalam industri tanah air telah mencul genre yang berunsur dakwah dan Islam. Antara pengarah yang ketika itu menghasilkan filem yang berunsurkan dakwah adalah Allahyarham Tan.Sri P. Ramli dengan karya yang berjudul Anakku Sazali (1956), Semerah Padi (1956), Ali Baba Bujang lapok (1961) dan lain-lain lagi. Di era milinium penonton dapat menerima filem yang bertemakan Islam seperti 99 Kali Rindu (2013), Ustaz Mu Tunggu Aku Datang (2013) dan 2 Kalimah (2013).

Filem 7 Petala Cinta merupakan sebuah karya arahan Azhari Mohd Zain yang ditayangkan pada 15 Mac 2012. Filem ini bertemakan Islam yang ingin menyampaikan dakwah kepada penonton. Di mana, pengarah ingin menyampaikan tentang seorang pelajar tahfiz yang berubah menjadi seorang yang baik setelah berjumpa dengan seorang ustaz di tahfiz itu. Di dalam filem ini juga pengarah menyampaikan pesanan tentang cinta yang mengikut Islam.

Syariah merupakan perundangan Islam. Muhammad Rashid Redha, 1967 berkata menurut tafsir al-Quran merupakan undang-undang aturan yang bersifat praktikal dan berbeza menurut perbezaan Rasul. Syariah merujuk kepada segala hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah SWT kepada hambanya. Syariah ini merangkumi hubungan diantara manusia dengan Allah SWT dan hubungan diantara manusia sesama manusia yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Jafril Khalil (1999) menyatakan bahawa syariah merupakan undang-undang, aturan dan ketetapan Allah SWT yang diperuntukkan kepada manusia dalam mengatur hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia dalam mencapai kedamaian dan kesejahteraan dalam kehidupan di akhirat. Pada masa kini dengan perubahan zaman para ulama telah berkumpul atau berijtihad bagi mengeluarkan hukum dan peraturan yang bersesuaian dengan perkembangan zaman, reliti serta keadaan semasa berlandaskan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu syariah merupakan patuh kepada syarak yang telah ditetapkan oleh Allah SWT berdasarkan sumber pertama dan sumber kedua.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Di Malaysia, terdapat pengkarya filem yang menghasilkan filem yang berusur kan nilai-nilai Islam serta dakwah. Namun, masih terdapat adengan yang tidak senonoh dan tidak patuh syariah. Pada masa kini terdapat banyak filem yang kurang menekankan tentang isu patuh syariah berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Menurut Mohamad Safie Ayob (2009) melalui kajian beliau tentang filem Ketika Cinta Bertasbih yang mendapat sambutan hangat daripada penonton pada tahun 2009 dan telah banyak memenangi anugerah. Namun begitu, masih terdapat adengan sentuhan antara laki dan perempuan sedangkan filem ini dikategorikan sebagai filem yang berunsur Islam. Perkara ini telah menunjukkan filem yang dihasilkan bertujuan menyampaikan dakwah seharusnya dilakukan dengan lebih terperinci dan berlandaskan patuh syariah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

Terdapat beberapa agensi yang telah mengariskan panduan tentang hiburan dan filem di Malaysia antara nya ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah mengariskan panduan terhadap filem dan hiburan. Selain itu, Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) juga mengeluarkan garisan panduan dan Kementerian Dalam Negeri yang mengeluarkan garis panduan terhadap penapisan filem yang ingin ditayangkan agar tidak melanggar aspek keselamatan, kesucian agama, sosiobudaya dan ketatasusilan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak kajian analisi patuh syariah dalam filem berdasarkan garis panduan JAKIM. Namun, masih kurang diberi perhatian oleh para sarjana Malaysia terhadap filem islamik yang lain. Dengan ini, kajian ini akan dijalankan bagi melihat patuh syariah dalam filem 7 Petala Cinta (2012) berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu “Analisis Patuh Syariah Dalam Filem 7 Petala Cinta (2012) berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Bilangan 4 Tahun 2015”, pengkaji telah mengenalpasti beberapa persoalan dalam kajian ini. Berikut merupakan persoalan kajian tersebut:

1. Adakah filem 7 Petala Cinta (2012) menepati patuh syariah berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)?
2. Sejauhmanakah ketepatan filem 7 Petala Cinta dalam patuh syariah berdasarkan garis panduan JAKIM?
3. Bagaimanakah patuh syariah berdasarkan garis panduan JAKIM dapat diaplikasikan dalam projek yang dibagunkan?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu :

1. Mengkaji Filem 7 Petala Cinta dalam menepati patuh syariah berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
2. Menganalisis ketepatan filem 7 Petala Cinta dalam patuh syariah berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
3. Mengaplikasi patuh syariah yang berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam projek yang dibangunkan.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu untuk analisis patuh syariah dalam filem 7 Petala Cinta (2012) berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bilangan 4 tahun 2015. Kajian ini akan melihat sejauh mana filem 7 Petala Cinta menepati patuh syariah berdasarkan garis panduan JAKIM dan juga melihat ketepatan patuh syariah file mini berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh JAKIM.

Disamping itu, pengkaji akan menontot filem ini bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci tentang filem 7 Petala Cinta (2012) arahan Azhari Zain. Hal ini kerana, filem ini merupakan filem yang berunsur islamik dan memberi pengajaran kepada penonton. Dengan memperolehi maklumat yang jelas pengkaji dapat menganalisis data yang diperolehi dengan lebih jelas.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini adalah dapat dijadikan sumber rujukan dan sumber pengetahuan kepada individu mahupun masyarakat tanpa mengira status dan umur pada masa kini. Selain itu juga, ia dapat membantu dan memberi sumbangan kepada individu mahupun masyarakat yang menghadapi masalah. Kajian ini amat penting kepada pengkaji kerana melalui kajian yang dilakukan ini mampu memberi pengetahuan yang baru kepada pengkaji mengenai filem 7 petala cinta dalam menepati patuh syariah berdasarkan garis panduan JAKIM. Tambahan pula, melalui kajian ini pengkaji dapat mengetahui langkah-langkah bagi membuka mata masyarakat bahawa dengan mengetahui patuh syariah berdasarkan garis panduan JAKIM dalam filem mampu membantu mereka menilai sesebuah karya.

Daripada kajian ini, ia juga mampu membuka mata masyarakat umum untuk menumpukan juga perhatian dan juga membuat lagi kajian yang mengenai patuh syariah dalam filem 7 Petala Cinta (2012) disamping menambah dengan kajian terhadap genre lain seperti aksi, seram dan komedi. Kepentingan kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan dan juga sumber pengetahuan kepada individu dan masyarakat. Disamping dapat membantu dan memberi sumbangan kepada mereka dalam menghadapi masalah yang dihadapi.

1.6.1 Individu

Kepentingan kajian ini kepada individu adalah memberi pendedahan kepada penonton tentang patuh syariah dalam filem 7 Petala Cinta (2012). Individu tersebut boleh membuat rujukan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kriteria patuh syariah yang perlu di ikut oleh seseorang pengarah filem untuk menghasilkan karya mereka.

1.6.2 Masyarakat

Kepentingan kepada masyarakat adalah mereka akan mendapat pengetahuan yang lebih jelas tentang patuh syariah dalam filem 7 Petala Cinta dan juga kajian ini dikaji lebih mendalam kepada masyarakat tempatan.

1.6.3 Insitituti

Kepada institusi akan dijadikan sumber rujukan tambahan kepada pelajar sekolah dan juga pelajar institusi pengajian tinggi yang mengambil dalam bidang ini. Melalui rujukan ini juga akan menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang yang dipelajari.

1.6.3 Negara

Kajian ini juga boleh dijadikan asset kepada Negara iaitu dengan bantuan daripada pihak media menyiarkan patuh syariah dalam filem malahan dalam medium bual bicara dan juga majalah dalam menyampaikan maklumat.

1.7 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu bermula dengan bab 1, pendahuluan kajian yang merangkumi aspek pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, skop ataupun batasan kajian dan kepentingan kajian. Pengenalan dalam kajian ini kebiasaannya akan menerangkan mengenai perkara yang ingin dikaji seperti sejarah filem, bila filem mula berkembang di Malaysia dan maksud syariah. Dalam kajian ini juga menerangkan pencapaiannya yang telah diperolehi oleh perkara yang dikaji dan menilai sejauhmanakah ia dapat mempengaruhi pengkaji untuk melakukan kajian ke atas perkara tersebut. Bab ini turut menyentuh latar belakang kajian. Kajian ini memfokuskan kepada analisis patuh syariah dalam filem 7 Petala Cinta (2012) berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Bilangan 4 Tahaun 2015. Di dalam setiap topik dan sub-topik kajian juga akan melihat definisi dan pandangan tokoh terhadap perkara yang ingin disentuh.

Seterusnya, pada bahagian permasalahan kajian pengkaji akan mengenalpasti permasalahan yang timbul dalam kajian tersebut. Sudah pasti permasalahan yang timbul dalam kajian ini merupakan sesuatu permasalahan yang baru untuk dikaji oleh pengkaji. Pada bahagian objektif kajian, terdapat tiga objektif kajian yang menjadi fokus berbincangan. Skop dan batasan kajian pula akan memfokuskan kepada aspek patuh syariah berdasarkan garis panduan JAKIM dan tertumpu kepada filem 7 Petala Cinta. Pada bahagian kepentingan kajian pengkaji menjelaskan kepentingan kajian ini kepada beberapa golongan seperti kepentingan kepada masyarakat, individu, institusi dan negara. Kepentingan kajian ini sangat penting untuk menjelaskan sesuatu kajian sebagai satu cabang ilmu dan panduan kepada orang lain.

Seterusnya, dalam bab 2 terdapat satu bahagian yang perlu diteliti oleh pengkaji bagi memastikan kajian ini sentiasa memenuhi piawaian sebenar. Tinjauan kajian lepas

merupakan bahagian untuk meneliti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Perkara ini adalah untuk melihat kesamaan kajian lepas dengan kajian yang sedang dijalankan untuk mengelak daripada berlaku plagiat dan boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dalam kajian. Dalam bab ini pengkaji juga menerangkan perkara penting yang menjadi topik utama yang ingin dicapai. Tinjau kajian lepas ini menggunakan buku, jurnal, akhbar dan sumber-sumber ilmiah yang lain sebagai rujukan. Perkara ini sangat penting untuk mendapatkan maklumat dari sumber yang betul serta boleh dipercayai kesahihannya.

Selanjutnya merupakan bab 3, namun begitu, bab 4 dan bab 5 akan dirumuskan dengan lebih terperinci pada masa yang akan datang. Dalam bab 3 terdapat bahagian metodologi, bab 4 akan menerangkan analisis kajian dan yang terakhir bab 5 akan menjelaskan kesimpulan yang didapati hasil daripada kajian ini.

1.8 DIFINASI KONSEP

Definisi konsep dalam tajuk kajian yang ingin dikaji amat penting bagi memulakan sesuatu kajian. Dengan adanya definisi konsep. Ia dapat membantu pengkaji untuk lebih memahami akan tajuk kajian dan dapat memfokuskan tajuk tersebut.

1.8.1 JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

JAKIM merupakan sebuah badan atau pertubuhan yang mengeluarkan garis panduan untuk diikuti oleh masyarakat yang beragama Islam di Malaysia. Antara garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM ialah garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam. Antara perkara yang termasuk dalam garis panduan ini ialah penyiaran yang berbentuk audio dan visual yang meliputi filem, drama, videop klip, iklan dan lain-lain lagi yang diterbitkan oleh stesen-stesen televisyen dan juga medium yang lain iaitu seperti *youtube*, *facebook* dan lain-lain lagi. Dengan adanya pertubuhan seperti ini filem yang dihasilkan akan melalui proses penapisan terlebih dahulu sebelum ditayangkan kepada orang ramai.

1.8.2 PATUH SYARIAH

Menurut *Kamus Dewan* pematuhan atau kata dasarnya adalah patuh merupakan menurut perintah, peraturan dan hukum. Selain itu juga ia bermaksud tidak membantah sebarang perintah yang diperintah oleh pemerintah. Manakala syariah merupakan undang-undang Islam. Syariah merupakan hukum-hakam yang di syariatkan oleh Allah SWT berasaskan dalil-dalil al- Quran dan al-Sunnah. Pada masa kini bagi mendapatkan undang-undang Islam yang mengikut keadaan semasa para Ulama telah berijtihad atau berkumpul dan berbincang bagi mengeluarkan hukum-hukum yang sesuai digunakan mengikut keadaan semasa yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

1.8.3 FILEM

Filem merupakan cerita atau gambar hidup, ia juga di sebut sebagai movie atau cinema yang merupakan seni yang terkenal sebagai tujuan hiburan dan perniagaan. Menurut Hajar Bin Opir (2018) filem merupakan medium yang kreatif yang bersifat menggabung jalinkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan pelbagai kemahiran. Filem juga merupakan hasil garapan seni yang memaparkan kisah kepada masyarakat tentang budaya tertentu. Ini merupakan cetusan idea dan perasaan karyawan tentang sesebuah kisah kehidupan manusia dan bukan manusia serta cerita benar atau Khayalan. Ia akan digarap dari peringkat ke peringkat sehingga terhasil sebuah cerita yang diminati.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Pengkaji telah membuat tinjauan terhadap beberapa bahan rujukan yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian iaitu dengan membuat sorotan terhadap buku-buku dan kajian terdahulu. Terdapat banyak kajian-kajian yang lepas telah di buat oleh pengkaji terdahulu dalam pemerhatian pematuhan syariah sama ada dalam bentuk dokumen seperti buku, disertasi atau tesis, kertas kerja seminar yang mengandungi hasil kajian lepas. Sebagai contoh ada yang mengkaji dari sudut pentakrifan filem Islam, kesan kepada penonton, filem dari sudut pematuhan syariah, dan kajian ke atas penonton filem. Kajian-kajian berikut adalah seperti dibawah :

2.1 PENTAKRIFAN FILEM ISLAM

Menurut Naim Haji Ahmad (2010) dalam buku yang telah diterbitkan, beliau telah mengemukakan dan membicarakan tentang satu pandangan apa itu ‘filem Islam’ dan apakah hubungannya dengan beberapa hal yang berkaitan dengan Islam. Daripada pandangan beliau telah membentuk satu definisi dan memperkatakan konsep-konsep yang dapat membezakan yang dapat dalam pengertian yang diberikan secara menyeluruh. Dengan penjelasan ini kajian ini dapat membezakan apa yang dimaksudkan dengan pengertian ‘filem Islam’ dengan ‘filem berunsur Islam’ serta filem-filem yang tidak termasuk ke dalam kedua-dua kumpulan ini.

2.2 KESAN FILEM TERHADAP PENONTON

Selain itu terdapat juga kajian dan penulisan tentang sumbangan filem dan kesan terhadap penonton yang menonton. Menurut Zulkiple Abd Ghani (2010) di dalam bukunya yang diterbitkan telah membicarakan tentang kesan serta pengaruh filem dalam masyarakat.

Kesan negatif dan positif daripada pengaruh filem amat lah kuat kepada penonton yang menontonnya. Hal ini, mampu dilihat dari segi budaya, hiburan dan pendidikan. Pengaruh boleh terjadi kerana filem merupakan salah satu daripada penyampai maklumat yang terbesar berikutan filem merupakan media yang memndidik, penyampai maklumat, mempengaruhi dan menghiburkan. Daripada apa yang diperoleh di sini kajian ini dapat mengenali bagaimana yang boleh dikategorikan sebagai filem yang patuh pada syariah.

2.3 FILEM DARI PEMATUHAN SYARIAH

Menurut Marina Munira et al. (2011) manusia mempunyai fitrah yang cenderung kepada perkara baharu yang mendorong ramai penggiat seni menghasilkan filem yang mengandungi jalan cerita yang lebih dramatic dan mengikut kehendak penonton dalam mengikat hasil karya mereka. Jill (2007) menyatakan bahawa filem adalah medium yang indah dan luar biasa disebabkan oleh jalan cerita yang menarik dan mampu menghidupkan watak-watak yang dilakonkan. Penceritaan yang patuh syariah adalah daripada filem yang memaparkan pakaian yang tidak melanggar syariah menurut Syed Zulkifli (2010). Namun kebanyakan filem dan drama tempatan pada masa kini memaparkan pelakon yang memakai pakaian yang melanggar syariah. Tambahan pula, watak ustaz dan agamawan hanya watak sampingan contoh seperti mengimakan solat, menangkap orang berkhawat, pembaca doa dan lain-lain lagi.

Filem dan drama merupakan medium yang paling berkesan dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan. Selain itu, filem juga menjadi wahana dalam menyampaikan dakwah yang juga salah satu wardah dalam mempertahankan syiar Islam. Menurut Syed Zuklifli (2010) filem dan drama merupakan medium yang penting dalam untuk dikuasai oleh orang Islam. Penghasilan karya yang baik berserta penerapan nilai-nilai Islam mampu memberi kesan yang positif kepada penonton. Dalam kajian Mustafa (2010) beliau telah menegaskan bahawa

penyediaan garis panduan yang penting patuh syariah untuk menentukan matlamat utama. Patuh syariah seharusnya menepati piawaian yang berteraskan Islam. Elemen patuh syariah mengajar kita untuk menjauhkan diri daripada melakukan maksiat dan tidak melanggar perintah Allah SWT. Filem dan drama seharusnya memaparkan teladan yang baik dalam kehidupan seharian orang Islam yang menjadi perkara yang penting dalam menyampaikan dakwah. Hal ini kerana ia dapat menghilangkan perasaan yang negatif orang yang bukan Islam terhadap Islam. Oleh itu, melalui kajian, Abu Hassan (2009) berpendapat filem melayu tidak hanya menjadi naskhah hiburan semata-mata dalam mengaut keuntungan sahaja kerana filem juga berperanan sebagai elemen untuk menyebarkan dakwah Islam supaya menjadi tauladan.

2.4 KAJIAN KE ATAS PENONTON FILEM

Selain itu, terdapat juga kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu ke atas penonton. Sebagai contoh Fauziah Karitni Hassan Basri (2009) telah menyatakan bahawa penonton bersifat heterogen, iaitu mempunyai pelbagai tingkah laku, cita rasa, persepsi dan harapan terhadap filem yang mereka tonton. Oleh itu, penggiat seni perfileman seharusnya memahami bahawa penonton tidak mencari filem tetapi filem yang seharusnya mencari penonton. Oleh kerana itu, untuk menghasilkan sebuah filem penggiat filem perlu memikat hati penonton bukan sahaja dari segi jalan cerita tetapi strategi yang baik bagi proses pengedarannya. Dengan perbincangan ini dapat membantu kajian ini dalam melihat apakah yang diinginkan oleh penonton dari sesuatu filem.

KESIMPULAN

Dalam bab ini, pengkaji dapat mengkaji semula kajian-kajian yang lepas daripada jurnal, buku atau artikel yang berkait rapat dengan kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji. Dengan mengambil dan mengkaji semula untuk mendapatkan elemen-elemen mengenai fatwa syariah dalam filem 7 Petala Cinta (2012).



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi juga dikenali sebagai reka bentuk kajian ini menurut Bryman (2008). Beliau menyatakan pandangan beliau bahawa metodologi adalah kerangka yang digunakan dalam sesebuah kajian bagi mengumpul dan menganalisis data yang diperolehi. Sebuah kajian yang dilakukan oleh pengkaji akan kelihatan tersusun dan kukuh jika ia mempunyai metodologi kajian. Sesuatu kajian tidak akan bermakna jika tidak mempunyai metodologi. Hal ini disebabkan metodologi yang akan menentukan kesahihan data yang diperolehi dan juga maklumat yang digunakan. Kesempurnaan sebuah kajian adalah dengan menggunakan metodologi yang sesuai dengan kerana ia berasaskan rujukan yang tepat dan sahih.

Mengumpul, mereka bentuk dan menganalisis data merupakan suatu kaedah dan teknik yang digunakan di dalam metodologi kajian agar dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Ini bertujuan untuk memahami dan membantu dengan lebih terperinci tentang pengaplikasian keaedah bagi menghuraikan proses kajian. Selain itu, metodologi mampu dijadikan panduan bagi menyelesaikan masalah berdasarkan objektif yang dinyatakan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan dua jenis kaedah bagi mengumpulkan data iaitu data primer dan sekunder. Disamping itu, terdapat beberapa cara digunakan dan digabungkan bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan tepat untuk dijadikan sebagai sumber panduan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan kiatan dengan perancangan atau strategi bagi menentukan sesuatu prosedur kajian. Pendekatan kajian, kaedah persampelan, cara pengumpulan data, teknik memproses, menganalisis data dan penulisan data merupakan aspek yang diambil kira dalam reka bentuk kajian.

Metodologi kajian merupakan cara yang meliputi kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi mencapai objektif dan matlamat kajian. Kajian akan menjadi lebih sistematik dan lebih teratur dengan adanya metodologi kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat mengenai tajuk yang dikaji. Pengkaji juga telah merancang dengan rapi bagi metodologi kajian untuk mendapatkan maklumat yang penuh melalui kaedah-kaedah yang tertentu.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Bagi pengumpulan data atau maklumat, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif. Di mana kaedah kualitatif merupakan cara yang biasa digunakan oleh pengkaji dalam pelaksanaan sesuatu kajian. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang mencari bahan-bahan dari internet, artikel dan juga dari buku-buku di perpustakaan.

3.3.1 ANALISIS KANDUNGAN

Analisis kandungan merupakan sumber dari bahan bacaan seperti buku, majalah, artikel kajian lepas, serta internet merupakan sumber sekunder yang digunakan oleh pengkaji. Sepanjang pelaksanaan kajian ini sumber-sumber ini digunakan dengan sebaik mungkin. Pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang lebih banyak mengenai kriteria patuh syariah dalam filem 7 Petala Cinta (2012).

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri dan berbeza dengan kaedah kuantitatif. Data kualitatif merupakan temu bual, pemerhatian dan juga analisis dokumen. Penyokong utama dalam mengesahkan kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif merupakan nota lapangan dan juga diari pengkaji. Bab ini cuba mengupas dengan mendalam bentuk data, kelemahan dan kekuatan metodologi bagi setiap data yang diperolehi serta proses menganalisis data dalam penyelidikan kualitatif.

Kajian kualitatif adalah kajian yang tidak dapat dijelaskan dengan data numerika menurut Chua (2006). Di mana beliau berkata terdapat perkara-perkara yang tertentu memerlukan pemerhatian yang teliti terutamanya yang berunsur emosi, motivasi dan empati yang berkaitan dengan manusia, kumpulan tertentu atau keadaan semulajadi. Oleh itu pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang lebih banyak mengenai kriteria patuh syariah dalam filem 7 Petala Cinta (2012).


a. KAEDAH PUSTAKA DAN ARTIKEL

Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji turut membaca pelbagai sumber seperti buku, kamus, internet bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan. Kesannya, bahan-bahan tersebut banyak membantu pengkaji bagi menyiapkan kajian ini.

b. INTERNET DAN FILEM

Kaedah sekunder seterusnya adalah dengan mencari contoh-contoh kajian yang telah dibuat ataupun jurnal-jurnal yang berkaitan dengan kajian pengkaji sebagai rujukan di laman sesawang. Membuat rujukan di internet daripada sumber jurnal, kajian terdahulu dijadikan sebagai rujukan pengkaji untuk mendapatkan info kajian di serata dunia, sebhungan itu juga dengan kajian melalui filem.

3.4 CARTA ALIR METODOLOGI KAJIAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.5 CARTA GANTT

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Pemilihan Tajuk																
Permasalahan & Objektif																
Skop penyelidikan & Kepentingan kajian																
Persoalan Kajian																
Kajian Literatur																
Metodologi																
Kaedah Kajian																
Pembentangan																

3.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, metodologi kajian merupakan input yang penting untuk dimasukkan dalam objektif kajian dalam menjalankan kajian metodologi sangat penting untuk menjayakan kajian yang ingin dijalankan. Kaedah sekunder merupakan kaedah yang diberikan perhatian dengan teliti. Kajian yang dilakukan akan menjadi teratur dengan membuat metodologi kajian. Secara keseluruhan, bab ini telah diterangkan secara terperinci mengenai kaedah yang akan digunakan dalam kajian yang melibatkan reka bentuk kajian, pengumpulan maklumat dan menganalisis, memberikan kesimpulan atau cadangan dan juga menghasilkan projek.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab 4 ini menerangkan tentang analisis filem 7 petala cinta (2012) arahan Azhari Mohd Zain dalam menepati patuh syariah berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Analisis yang dijalankan merangkumi penelitian terhadap patuh syariah yang berlandaskan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Bilangan 4 Tahun 2015. Bagi tujuan tersebut, bab 4 ini dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu sinopsis filem 7 petala cinta (2012) arahan Azhari Mohd Zain, pada bahagian kedua pula ialah mengkaji serta analisis patuh syariah filem 7 petala cinta (2012) berdasarkan garis panduan JAKIM dan kesimpulan bab 4.

4.1 SINOPSIS

Hamka seorang graduan syariah dari Universiti Al-Azhar ditunangkan dengan anak kepada guru di madrasah Qalbun Salim, tempatnya menuntut ilmu, Saidatul Nafisah (Shima Anuar) dan kemudiannya berhijrah ke Yemen untuk menuntut ilmu. Dalam pada masa yang sama, Hilma Aqila (Diana Amir) adik kepada Hamka turut menuntut di Madrasah yang sama. Namun sebaliknya, Hamka gigih menulis al-Quran dengan tulisan tangannya sendiri bagi dijadikan hantaran perkahwinannya kelak. Entah mana punca, berita mengenai Hamka terbunuh di Yemen tersebar selepas negara itu dilanda perang saudara dan konflik politik. Tunangnya, Nafisah menanti dengan setia dan muncul pula watak Attar (Aeril) seorang yang jahil sehinggalah bertemu dengan Abi Ikhwan (Ustaz Dini) yang mengajar di Madrasah Qalbun Salim. yang sudah lama memendam perasaan kepada Nafisah. Di situlah wujudnya

nilai kesetiaan seorang wanita yang mengagungkan seorang lelaki yang dicintai walaupun apa saja yang melanda.

4.2 Mengkaji Filem 7 Petala Cinta dalam menepati patuh syariah berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Setelah menonton filem ini berulang kali dengan merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM bagi bahan-bahan penyiaran berunsur Islam pengkaji mendapati bahawa filem 7 petala cinta ini tidak menepati patuh syariah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bilangan 4 tahun 2015. Hal ini terdapat beberapa adegan yang dilarang di dalam garis panduan JAKIM terdapat didalam filem ini. Antaranya ialah :

4.2.1 Tidak Mengandungi Perkara-perkara Yang Menyentuh Kesucian Islam.


Berdasarkan garis panduan Jabatan Islam Malaysia Bilangan 4 Tahun 2015 pada bahagian garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam. Telah menyatakan filem yang berunsur Islam tidak boleh mengandungi perkara-perkara yang menyentuh kesucian Islam, di sini juga JAKIM telah menerangkan maksud disebalik pernyataan yang diberi dimana sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang boleh menyebabkan tercemarnya agama islam atau agama Islam dipandang rendah atau hina. Sebagai contohnya perbuatan atau lakonan yang meletak dan mencampak al-Quran ditempat yang hina serta dialog atau lakonan yang boleh dianggap sebagai menghina agama Islam yang berbunyi seperti “Apa guna sembahyang” atau “ orang tidak sembahyang pun boleh hidup senang lenang juga....”. Adegan yang seperti ini terdapat didalam filem 7 petala cinta.



MASA: 0:22:00

ADEGAN TIGGALKAN AL-QURAN

RAJAH 4.2.1.1



MASA: 0:39:01

ADEGAN PEALACUR MARAH BUDAK TAHFIZ


RAJAH 4.2.1.2



MASA: 0:38:58

ADEGAN PEALACUR MARAH BUDAK TAHFIZ

RAJAH 4.2.1.3



MASA: 0:39:05

ADEGAN PEALACUR MARAH BUDAK TAHFIZ


RAJAH 4.2.1.4

Rajah di atas menunjukkan adegan yang di dalarang oleh JAKIM dalam garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam. Namun begitu masih terdapat di dalam filem ini. Di sini , kita dapat lihat pada rajah 4.2.1.1 pada masa 0:22:00 di mana pelakon utama meninggalkan al-quran di atas jeti dengan jelas kita dapat lihat ia nya telah melanggar garis panduan yang telah ditetapkan. Selain itu , pada rajah 4.2.1.2, 4.2.1.3 dan 4.2.1.4 menunjukkan lakonan di antara serong perempuan atau pelacur yang memarahi seorang budak tahfiz yang bercakap tentang agama dengan nya. Ini merupakan antara dialog yang di ucapkan oleh pelakon perempuan atau watak nida.

“ Orang yang kuat agama memang suka cakap begini ke?” “ Aku dah sakit telinga dengar semua ini! Aku dah bosan !” dan “ Bertaubatlah! Insafilah!”. Jika di lihat dari lakonan dan dialog ini jelas menunjukkan ia tidak menepati patuh syariah yang telah di tetapkan oleh garis panduan JAKIM.

4.2.2 Tidak Mengandungi Unsur-unsur Yang Bercanggaah Dengan Akhlak

Di sini pihak JAKIM telah menerangkan di dalam garis panduan dimana perkara atau kelakuan, tabiat, adab dan budi pekerti yang berasaskan ajaran Islam dan peraturan yang telah ditetapkan melalui al-Quran dan al-Sunnah. Sebagai contoh nya , adegan berpelukan antara pelakon lelaki dan perempuan yang bukan maharam.



MASA: 0:41:45

RAJAH: 4.2.2.1



MASA:0:47:40

RAJAH: 4.2.2.2


MALAYSIA

KELANTAN



MASA: 0:52:42

RAJAH: 4.2.2.3



MASA: 0:52:48

RAJAH: 4.2.2.4

MALAYSIA
UNIVERSITI
KELANTAN


Rajah di atas merupakan adegan di mana pelakon lelaki yang membawa watak sebagai attar dan perempuan yang membawa watak sebagai nida yang bukan mahram berpelukan seolah-olah sedang bezina. Di tambah lagi dengan riak wajah yang di buat oleh pelakon wanita seperti seorang yang mempunyai nafsu yang tinggi. Di sini kita dapat lihat filem ini melanggar garis panduan yang telah ditetapkan oleh JAKIM dengan memaparkan adengan yang bercanggah dengan akhlak seorang yang bergelar Islam.

4.3 Analisis ketepatan filem 7 Petala Cinta dalam patuh syariah berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Melalui analisis keseluruhan yang telah dibuat, pengkaji telah membuat keputusan bahawa filem 7 petala cinta ini tidak berketepatan dengan patuh syariah berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia kerana tidak semua diterapkan oleh pengarah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Di sini pengkaji akan meletakkan adengan yang mengikut garis panduan.

4.3.1 Tidak Boleh Melaknonkan Ibadah-ibadah Khusus Secara Salah atau Mempersendakan Ibadah-ibadah tersebut.

Di bahagian ini JAKIM telah menerangkan bahawa melaknonkan atau mementaskan satu-satu cerita atau ibadah-ibadah yang khusus di dalam Islam yang berhubung antara hamba dan Allah seperti solat, puasa, haji, membaca al-quran, zikir dan seumpamanya secara salah dari segi hukumfan tidak tepat sebagaimana, yang dijelaskan dalam al-quran dan al sunnah yang menjadi pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah amat tidak dibenarkan. Sebagai contohnya, seseorang melaknonkan adengan mengerjakan ibadah solat dengan cara yang bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak sewajarnya. Hal ini, kerana di anggap sebagai mempersenda atau mengejek ,menghina ibadah tersebut sebagai ajaran Islam



MASA:0:18:40

RAJAH: 4.3.1.1



MASA: 0:20:15

RAJAH: 4.3.1.2

MALAYSIA
KELANTAN

Di dalam filem bagi adengan menunaikan solat pengarah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Di rajah 4.3.1.1 dan 4.3.1.2 para perlakon melakonkan adengan dengan baik sekali bagi mengelakkan nampak seperti mempersendakan ibadah solat yang dilakukan. Hal ini kerana, solat dalam agama islam sememangnya perkara yang tidak boleh dipandang remeh oleh setiap umat islam apatah lagi mempersendakanya kerana hukum nya adalah haram dan berdosa.

4.4 KESIMPULAN

Kesimpulanya setelah mengkaji serta membuat analisis dari filem 7 petala cinta kurang menepati dengan kepatuhan syariah yang telah ditetapkan secara keseluruhan berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Bagi mendapatkan maklumat dengan tepat pengkaji telah menonton filem ini berulang kali dengan meneliti setiap babak yang ditayangkan serta membaca berulang kali melihat garis panduan kali bagi mendapatkan maklumat yang tepat bagi menjawab objekif yang kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini akan membuat kesimpulan daripada dapatan kajian yang telah dianalisis bagi menjawab objektif kajian secara tepat berdasarkan data yang diperolehi. Pada akhir kesimpulan ini, beberapa cadangan dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan kepada kajian yang akan datang serta penerokaan kajian yang lebih meluas lagi oleh penyelidik yang lain .

5.2 KESIMPULAN

Secara kesimpulanya, filem 7 petala cinta (2012) arahan Azhari Mohd Zain tidak menepati patuh syariah berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hal ini kerana, terdapat beberapa adegan atau babak yang tidak dibenarkan di dalam garis panduan JAKIM tetapi masih ditayangkan di dalam filem ini sebagai contoh, : pada masa 0:39:05 babak serong perempuan atau pelacur yang dikenali sebagai watak nida yang memarahi seorang budak tahfiz yang dikenali sebagai atar yang bercakap tentang agama dengan nya. Ini merupakan antara dialog yang di ucapkan oleh perempuan tersebut “ Orang yang kuat agama memang suka cakap begini ke?” “ Aku dah sakit telinga dengar semua ini! Aku dah bosan !” dan “ Bertaubatlah! Insaflah!”. Jika di lihat dari lakonan dan dialog ini jelas menunjukkan ia tidak menepati patuh syariah yang telah di tetapkan oleh garis panduan JAKIM.

Seterusnya, adegan berpeluk antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrin atau tidak berkahwin pada babak : 0:52:48 di antara watak atar dan nida yang berpelukkan dengan riak muka yang penuh nafsu seperti sedang berzina tidak dibenarkan oleh JAKIM tetapi masih terdapat babak tersebut di dalam filem tersebut.

Memang tidak dapat dinafikan masih terdapat babak yang masih menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh JAKIM namun masih tidak cukup syarat bagi menepati patuh syariah di tambah lagi filem ini berunsur dakwah Islam sepatuhnya tidak perlu ada babak yang berpelukan serta merendahkan ahli agama. Jika filem yang berunsur Islam perlu mengikut 100 peratus bukan hanya separuh sahaja yang di ikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh JAKIM agar tidak menimbulkan kekeliruan oleh penonton.

5.3 CADANGAN

Penyelidik telah mengemukakan beberapa cadangan dan saranan bagi penambahbaikan atau penerokaan bagi penyelidikan akan datang.

5.3.1 Merangka Garis Panduan Filem Patuh Syariah

Garis panduan patuh syariah yang disediakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah bersifat umum. Jadi dengan merangka semula garis panduan syariah yang khusus dalam filem dengan elemen fiqh dan intergrasi dengan lebih mendalam dapat dibentuk dalam memenuhi kehendak filem yang lebih berinovatif dan kreatif tetapi tidak melanggar patuh syariah yang ditetapkan dan bergerak mengikut peredaran zaman.

5.3.2 Penggubalan Kurikulum Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S)

Dengan menjadikan kepatuhan syariah dalam filem sebagai subjek wajib dan elektif di IPTA/S dalam lebih mendalam lagi kepada IPTA/S yang mempunyai fakulti yang khusus dalam bidang perfileman sama ada di peringkat diploma mahu pun ijazah pertama. Dengan penggubalan kurikulum di IPTA/S dapat melahirkan lebih ramai pembuat filem yang lebih berkualiti yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang patuh syariah. Di samping itu pihak Fakulti mahu pun Akedemi Pengajian Islam sebagai subjek tambahan dalam bidang akademik yang boleh digunakan sewaktu mereka berkerja dalam bidang filem. Dengan penggubalan serta penawaran dalam akademik ini mampu melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang mampu menghasilkan filem yang lebih berkualiti dan terbaik di mata dunia tanpa menepati patuh syariah serta piawaian syarak.

5.3.3 Memperkasa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Memperkasakan JAKIM sebagai badan yang berautoriti yang mengawal selia serta membantu Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPFM) dalam menapis semua bahan penyiaran di peringkat nasional bagi memastikan peradaban serta ketamadunya masyarakat Islam terjaga. Antara cadangan dari pengkaji adalah melantik pegawai dari JAKIM yang mempunyai kelayakan dalam usuluddin dan syariah bagi membantu pihak LPFM. Dengan ini LPFM akan menjadi lebih efisien kerana pegawai yang mempunyai kepakaran yang khusus dalam membantu penapisan pada peringkat awal.

5.3.4 Mewujudkan Persatuan Pembikinan Filem Islam Malaysia

Dengan mewujudkan Persatuan Pembikinan Filem Islam Malaysia dapat di jadikan sebagai badan yang menjadi pendesak agar elemen-elemen Islam dapat diperkasakan dengan lebih gah lagi serta menepati lagi dengan status Islam sebagai agama rasmi persekutan Malaysia. Selain dapat menyemarakkan lagi industri filem yang berunsurkan Islam dan dakwah.

5.4 IMPLIKASI KAJIAN

Hasil daripada analisis patuh syariah dalam filem 7petala cinta (2012) berdasarkan garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Bilangan 4 Tahun 2015 dapat memberi beberapa implikasi kepada beberapa konteks iaitu:

5.4.1 Individu

Analisis patuh syariah dalam filem 7 petala cinta (2012) berdasarkan garis panduan JAKIM dapat dijadikan sebagai motivasi dan inspirasi serta kelansungan kepada seorang pengkaji yang ingin mengkaji lebih mendalam berkenaan analisis patuh syariah dalam filem. Hal ini demikian kerana dengan membuat analisis kajian serta melihat contoh filem yang menerapkan patuh syariah dalam filem sebagai rujukan dapat menambahbaik penghasilan filem pada masa hadapan. Oleh itu, menganalisis filem patuh syariah ini dapat sedikit sebanyak untuk membantu kajian hadapan.

5.4.2 Masyarakat

Analisis patuh syariah dalam filem ini dapat memberikan impak kepada masyarakat tempatan dalam mempelajari menganalisis filem yang mereka tonton. Hal ini demikian kerana dengan membuat analisis terhadap filem dapat dijadikan sebagai pengetahuan tambahan kepada masyarakat tempatan dalam memahami sambil memberikan kesedaran mengenai kebaikan dan keburukan yang disampaikan dalam filem, ia juga boleh dijadikan sebagai medium baharu dalam menyampaikan maklumat.

LAMPIRAN





Bibliography

- Apriliani, A. (2018). *Nilai-Nilai Akidah Dalam Filem Munafik Ditinjau Dari Teknik Sinematografi*. Fakultas Deakwah dan Komunikasi Universitاسي Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta: 10 Julai 2018.
- Basri, F. K. (2009). *Penonton Filem Cereka Di Malaysia: Tingkah Laku*,. Ampang: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
- Hajar Opir, M. Y. (2020). *Analisa Fatwa Berkaitan Akidah Dalam Filem Di Malaysia: Sorotan 2005-2018*. Academy of Contemporary Islamic Studies. MARA University of Technology (UiTM). 40450. Shah Alam.*Academy of Islamic Studies. University of Malaya.: 2020.
- Malaysia, J. K. (2015). *GARISAN PANDUAN PENAPISAN KANDUNGAN BAHAN-BAHAN PENYIARAN BERUNSUR ISLAM*. Kuala Lumpur: FM SECURITY PRINTER SDN. BHD. Wisma FM Holding No. 10 Persiaran 65C, Pekeliling Business Center, Jalan Pahang Barat,53300 Kuala Lumpur.
- Negeri, B. K. (2010). *Garis Panduan Penapisan Filem*. Wilayah Persekutuan Putrajaya: Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan Kementerian Dalam Negeri Aras 2, Blok D2, Kompleks D,Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,62546 W.P. Putrajaya.
- Opir, H. (2017). *Kriteria Patuh Syariah Dalam Filem Berasaskan Hukum Fiqh: Satu Kajian Awal*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara,: Pengarang Hubungan Abuaqilah.
- Opir, H. B. (2018). *Filem Berunsur Dakwah Di Malaysia : Kajian Dari Aspek Pematuhan Syariah*. Universiti Malaya: 2018.
- Rosmawati Mohamad Rasit, A. M. (2016). *Analisis Elemen Patuh Syariah Dalam Filem NUR KASIH THE MOVIE (2011) Berdasarkan Teori Filem Ar-Risalah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jurnal Komunikasi Jilid 32 (1) 2016: 580-602.
- Salim, k. (2018). *Pengenalan Data Kualitatif*.